



KUMPULAN YAYASAN SABAH
Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424
E-mel: ysinfo@ysnet.org.my
Laman Web: <http://www.ysnet.org.my>



MS ISO 9001:2008 REG. NO. AR3553

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

6 Ogos 2015

PDCB PEMANGKIN TRANSFORMASI

KENINGAU, Khamis: Kejayaan pembangunan di kawasan yang dipilih sebagai projek perintis Program Desa Cemerlang dan Berinovasi (PDCB) antara lain amat bergantung kepada masyarakat itu sendiri, demikian menurut Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad semasa membuat lawatan ke PDCB, Kg. Sinaron, Sook, Keningau baru-baru ini.

“Kumpulan Yayasan Sabah memilih kampung-kampung yang terletak jauh dari kawasan bandar untuk PDCB dan kampung-kampung ini lebih mencabar untuk dibangunkan berbanding kampung-kampung yang terletak dekat dengan kawasan bandar. Kg. Sinaron bertuah kerana terpilih sebagai salah satu kampung di mana PDCB dijalankan,” ulas beliau.

“Kesemua kampung yang terlibat dengan PDCB mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi kedudukan geografi, sumber-sumber setempat dan kekayaan biodiversiti. Kg. Sinaron terletak berdekatan dengan Gunung Trus Madi yang semakin menjadi tumpuan para pelancong dari dalam dan luar negeri. Penduduk kampung ini juga mempunyai tanah yang agak luas dan sesuai untuk pertanian di samping mempunyai warisan budaya serta kemahiran kraf yang tersendiri,” tambah beliau.

Datuk Sapawi berkata Kumpulan Yayasan Sabah bukan hanya sekadar memberi idea tetapi juga sokongan moral untuk membangunkan kampung-kampung yang terpilih ini. Menurut beliau dalam menjayakan program ini, sudah tentunya memerlukan komitmen dari semua pihak. “Dalam program ini, Kumpulan Yayasan Sabah berperanan sebagai koordinator dan pemudah cara dalam

usaha untuk membangunkan masyarakat setempat. Namun, yang penting sekali adalah Yayasan Sabah berharap supaya dapat melatih modal insan dan agar komuniti di kampung-kampung ini tidak hanya fokus pada imej luaran kampung tersebut tetapi juga pada semangat, hati, jiwa dan pemikiran yang dibangunkan bersama sebagai satu pasukan. Selain itu, penting juga bagi para penduduk untuk berkerjasama dan memikirkan usaha-usaha untuk membangunkan kampung ini,” jelasnya.

“Saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa PDCB. Pembangunan yang sebenarnya adalah bagaimana sesebuah komuniti kampung itu mempunyai semangat, jiwa, pemikiran dan kesatuan yang sama dan saya lihat penduduk Kg. Sinaron mempunyai ciri-ciri ini. Tambahan pula, melalui kursus kepimpinan, kursus kraftangan dan kursus memasak yang dijalankan menambah lagi kepada usaha pembangunan modal insan,” kata beliau.

Menurut beliau, kursus-kursus sebegini dapat menyatukan penduduk kampung. “Melalui kursus-kursus sebegini juga para penduduk kampung dapat sama-sama memikirkan usaha-usaha lain untuk membangunkan kampung ini dan yang boleh memberi manfaat kepada para penduduk. Yang penting adalah semangat perpaduan para penduduk dikekalkan kerana itu merupakan kekuatan kampung itu sendiri,” kata beliau.

Datuk Sapawi juga menyarankan agar para penduduk kampung melibatkan diri dalam kursus-kursus menternak kambing, lebah kelulut dan sebagainya. “Dengan usaha-usaha ini kita mungkin tidak dapat melihat terus hasilnya tetapi ia akan memberi manfaat di masa hadapan. Oleh itu, dengan merancang apakah usaha-usaha yang sesuai dan yang boleh dibangunkan, ia dapat memberi manfaat kepada para penduduk kampung,” kata beliau.

“Kita perlu fikirkan juga usaha-usaha yang boleh diambil untuk menggerak dan membangunkan kanak-kanak dan para pemuda. Dengan menyediakan aktiviti-aktiviti sukan dan kebudayaan, saya yakin ia akan mempercepatkan lagi usaha PDCB di kampung ini,” kata beliau. Datuk Sapawi juga menasihatkan agar Jawatankuasa PDCB merancang usaha-usaha yang sesuai dan kemukakan kepada pihak-pihak yang sesuai.

Datuk Sapawi turut menaikkan semangat para penduduk Kg. Sinaron dengan menyeru agar mereka meneruskan perjuangan dalam pembangunan kampung tersebut. “Kejayaan tidak akan datang dalam masa setahun dua tetapi apabila kita langsunjkan program yang berterusan dan gabungkan semangat Jawatankuasa itu dengan tidak melupakan orang lama dan orang-orang muda maka pelangsungan pembangunan di Kg. Sinaron ini akan berjaya pada masa akan datang,” jelas beliau.

Adalah menjadi harapan Kumpulan Yayasan Sabah, dengan adanya PDCB di kampung-kampung yang terpilih akan dapat membantu masyarakat setempat dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi mereka ke arah masyarakat yang lebih mapan.

Turut hadir pada majlis ini ialah Pengerusi PDCB merangkap Pengerusi JKKK Kg. Sinaron, Sook, Encik Rojef Ramsing, ketua-ketua masyarakat, Pengurus-pengurus Kumpulan Zon serta Pegawai-pegawai Kanan Kumpulan Yayasan Sabah.

GAMBAR 1 : Datuk Sapawi (tiga, kiri) beramah mesra bersama penduduk Kg. Sinaron.



GAMBAR 2 : Datuk Sapawi (empat, kiri) menyampaikan sumbangan kepada Encik Rojef, Pengerusi PDCB merangkap Pengerusi JKKK Kg. Sinaron, Sook (enam, kiri) sambil disaksikan oleh Pengurus-pengurus Kumpulan Zon dan Pegawai-pegawai Kanan Kumpulan Yayasan Sabah.



GAMBAR 3 : Datuk Sapawi (kiri) menyiram pokok yang baru ditanam oleh beliau semasa lawatannya ke PDCB Kg. Sinaron, Sook, Keningau.



-----TAMAT-----

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Baahgian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : sam@icsb-sabah.com.my